

Kaedah paling berkesan laksanakan resolusi keselamatan PBB

# PM: Amalkan multilateralisme

Um-28/9/2004: 10.4 perbukan

Daripada OTHMAN MOHAMAD

**N**EW YORK 27 Sept. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahukan pendekatan multilateralisme diterima pakai oleh semua negara terutama kuasa-kuasa besar supaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dapat memainkan peranan dalam menguruskan isu-isu kritikal yang menjejaskan keamanan serta keselamatan dunia.

Perdana Menteri menegaskan bahawa komitmen terhadap multilateralisme di kalangan kuasa besar akan memberi petunjuk jelas kepada semua negara bahawa prinsip dan matlamat PBB perlu menjadi asas kepada bentuk hubungan antara negara-negara.

“Komitmen sedemikian akan melakar pemuafakatan bijak antarabangsa yang tulen, bukan sekadar mewujudkan keamanan dan keselamatan sejagat malahan bagi mencapai pembangunan sosial serta ekonomi antarabangsa,” katanya.

## ● Teks penuh ucapan — Muka 6


Penegasan Abdullah itu yang dibuat ketika berucap pada majlis perbahasan umum Perhimpunan Agung PBB (UNGA) di sini hari ini — bukan sekadar mewakili Malaysia malahan sebagai suara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM).

Ucapan tersebut adalah ucapan sulung Abdullah di PBB selaku Perdana Menteri. Beliau juga adalah Pengerusi NAM serta Pengerusi OIC ke-10.

“Saya sangat percaya bahawa multilateralisme satu-satu kaedah untuk melaksanakan resolusi-resolusi dan keputusan-keputusan berkaitan keamanan dan keselamatan dunia,” katanya.

Abdullah turut menegaskan bahawa multilateralisme hanya boleh dipertahankan apabila seluruh negara menerima tanpa satu pun berkecuali.

Beliau menegaskan Majlis Keselamatan perlu lebih demokratik manakala anggotanya perlu mencerminkan perwakilan dari-



ABDULLAH Ahmad Badawi memberikan ucapan sulung selaku Perdana Menteri Malaysia pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) ke-59 di New York semalam. — Gambar Reuters

# PM: Amalkan multilateralisme

pada seluruh anggota PBB mengikut wilayah geografi.

"Penggunaan kuasa veto oleh anggota-anggota tetap Majlis Keselamatan pula perlu dipantau supaya ia tidak digunakan hanya berdasarkan budibicara tunggal penyandangannya. Ia tidak adil apabila sebarang negara dibenarkan mengeneipkan kehendak majoriti.

"Ketidakadilan itu boleh diperbetulkan misalnya dengan membentuk resolusi tertentu pada UNGA yang boleh mengeneipkan veto Majlis Keselamatan," tegasnya.

Oleh itu, kata Abdullah, semua pihak menunggu Laporan Mengenai Ancaman, Cabaran dan Perubahan PBB yang akan dikemukakan oleh panel khas yang dilantik oleh Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan, tahun lepas.

Perakuan-perakuan dalam laporan itu perlu dijadikan asas perbincangan secara mendalam di kalangan negara-negara anggota menjelang ulang tahun ke-60 PBB.

Abdullah yang merupakan tokoh pertama berucap hari ini, menegaskan tiga isu utama yang perlu diberi perhatian segera oleh PBB iaitu keganasan antarabangsa, pembangunan semula Iraq, dan isu Timur Tengah.

Katanya, semua negara anggota perlu mencari jalan dan kaedah supaya PBB dapat memainkan peranan sewajarnya dalam membasmi keganasan antarabangsa.

Beliau menegaskan dan mengulangi pendirian Malaysia selama ini bahawa melawan keganasan tidak boleh dilakukan menerusi penggunaan persenjataan sahaja.

"Untuk mengatasinya, kita perlu bersungguh-sungguh menangani punca sebenar keganasan, satu daripadanya yang nyata ialah perjuangan rakyat tertentu menuntut kemerdekaan dan mempertahankan kedaulatan negara mereka," katanya.

Perdana Menteri mahukan PBB mengadakan satu persidangan khas antarabangsa untuk meneliti persoalan keganasan dari segala aspek termasuk punca keganasan; kerana mempercayai PBB adalah forum ter-

baik untuk memupuk dialog tulen dengan mengeneipkan diri daripada prejudis tragedi 11 September.

Sambil menegaskan perlunya menghentikan daripada mengaitkan dunia Islam dengan keganasan dan kemiskinan, Abdullah berkata: "Sebenarnya, semua masalah itu tiada kena mengena dengan Islam... Kita perlu menghuraikan kekeliruan yang mengaitkan masalah-masalah itu yang dihadapi oleh sesetengah negara Islam dengan agama Islam."

Perdana Menteri memberi contoh kepada perwakilan bagaimana Malaysia, sebuah negara Islam, yang telah membuktikan bahawa Islam bukanlah penghalang kepada kemodenan dan demokrasi.

Mengenai konflik di Iraq, kata Abdullah, PBB perlu diberikan peranan utama khususnya bagi mewujudkan kestabilan sebagai persediaan pilihan raya yang dijadualkan pada Januari depan.

Perjalanan pilihan raya yang teratur amat mustahak dalam proses mengembalikan kerajaan yang merdeka dan berdaulat di bumi Iraq, katanya.

Beliau menambah, PBB paling layak membentuk syarat-syarat bagi membolehkan negara-negara anggota mengambil bahagian dalam mengembalikan keamanan dan pembangunan semula Iraq.

Bercakap mengenai Palestin, Perdana Menteri menggesa masyarakat antarabangsa menayakan Roadmap Keamanan di Timur Tengah yang telah dipersetujui supaya terbentuk negara Palestin yang merdeka dan berdaulat termasuk Jerusalem Timur sebagai ibu negeranya.

"Kita perlu menimbang secara serius untuk meluluskan penghantaran Pasukan Pengaman PBB atau menugaskan satu mekanisme pemantauan antarabangsa bagi mengawasi pelaksanaan *roadmap* itu," katanya.

Sebelum menyampaikan ucapannya itu, Perdana Menteri telah mengadakan pertemuan dengan Presiden UNGA ke-59, Jean Ping di ibu pejabat PBB.

Setelah menamatkan ucapannya pula, Abdullah mengadakan pertemuan dengan Annan.